

23 MAY 2002

Mahathir-Keganasan/I

MALAYSIA MINTA SOKONGAN KOREA PERANGI KEGANSANAN

Oleh: Amin Husaini Harun

SEOUL, 23 Mei (Bernama) -- Malaysia meminta Korea Selatan menyokong cadangannya bagi mengadakan satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan untuk menentukan takrifnya yang sebenar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berharap Korea Selatan akan menyuarakan sokongan terhadap persidangan itu agar soal keganasan dapat dibincangkan secara mendalam bagi menetapkan cara terbaik mengatasi gejala dahsyat itu.

Berucap pada jamuan negara yang diberikan oleh Presiden Kim Dae-Jung untuk meraikan beliau ke sini, Dr Mahathir berkata usaha membanteras keganasan adalah satu tanggungjawab global dan takrifnya perlu jelas.

"Ini bagi membolehkan kita membezakan antara pejuang kebebasan yang sebenar dengan seorang yang didorong secara salah akibat rasa tidak adil dan rasa tidak puas hati," katanya.

Mengenai hubungan dua hala, Dr Mahathir berkata Malaysia dan Korea sama-sama berjaya pulih daripada krisis ekonomi dan kewangan pada 1997 dengan melaksanakan langkah dan dasar yang wajar dan sesuai kepada masalah masing-masing.

"Daripada apa yang kita pelajari dari episod itu, semua negara di rantau Asia Timur harus bekerjasama dan mengubah cara-cara kewangan antarabangsa diuruskan bagi menentukan kedua-dua negara kita dapat menangani dengan berkesan cabaran globalisasi dan aliran kewangan yang tidak menentu," katanya.

Perdana Menteri melahirkan penghargaan kepada kerajaan Korea kerana menyokong Dasar Pandang Ke Timur yang diamalkan oleh Malaysia, dan berkata, beliau yakin Korea akan menerima lebih ramai rakyat Malaysia memasuki universitinya.

Dasar itu, yang bermula dengan Jepun, diperluaskan bagi memasukkan Korea kerana etika kerja rakyat Korea merupakan nilai yang perlu diteladani oleh Malaysia untuk mencapai kejayaan ekonomi, katanya.

Sejak pelaksanaan dasar itu, 1,182 rakyat Malaysia telah menjalani latihan dalam pelbagai program di Korea, selain 500 pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi Korea mengikut program latihan teknikal.

"Dasar Pandang Ke Timur adalah komponen amat penting dalam hubungan kami dengan Republik Korea," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia komited dalam usaha mengukuhkan hubungan baik dengan Korea Selatan sejak ianya mula terjalin pada 1960.

Korea kini merupakan rakan dagangan kelapan terbesar bagi Malaysia dan juga pasaran kesembilan terbesar bagi barangan Malaysia. Tahun lepas, Korea merupakan pelabur asing keenam terbesar dalam sektor pembuatan di Malaysia.

"Kestabilan politik dan ekonomi yang berterusan di Malaysia dan komitmen kerajaan saya untuk menyediakan suasana perniagaan positif kepada semua pelabur, tidak syak lagi menjadikan Malaysia negara paling berpotensi dan sesuai untuk pelaburan oleh tuan," katanya kepada Kim.

Dr Mahathir juga mengucapkan tahniah kepada Kim kerana kejayaan sidang kemuncak beliau dengan pemimpin Korea Utara, Kim Jong-il pada Jun 2000.

-- BERNAMA

AHH MAI